

# Landskap Undang-undang

## Dalam Era Dr. Mahathir

MASSA 1.11.2003

Oleh SALLEH BUANG

**“Tolak dan tumbangkan mereka sebelum mereka menumbangkan parti kita yang tercinta ini, sebelum mereka menggagalkan gerakan reformasi kita yang bermatlamat mewujudkan tamadun Melayu bumiputera baru. Tolak mereka semua, jangan kira kawan atau rakan. Sampaikan kepada mereka mesej yang jelas, UMNO tidak mempunyai tempat bagi mereka yang rasuah.”**

**– Ucapan dasar Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO pada 10 Oktober 1996**

**D**UA puluh dua tahun adalah satu jangka masa yang panjang, walaupun dalam sejarah undang-undang sebuah negara. Pasti dalam tempoh yang sebegitu lama, landskap undang-undang negara kita telah banyak berubah. Bergantung kepada persepsi dan perspektif seseorang itu, landskap ini mungkin dilihat sebagai sesuatu yang indah dan mententeramkan, aman dan meyakinkan, atau menakut serta menggerunkan.

Dalam ruang yang terhad ini, saya hanya mampu memberi fokus kepada ciri utama beberapa undang-undang tertentu, tidak kesemuanya sekali. Disebabkan perkara yang diulas ini adalah kesemuanya undang-undang ciptaan manusia, pastinya (sebagai sifat manusia yang tidak sempurna) terdapat di sana sini kecacatan dan kelemahannya. Pada saya, soal pokok ialah bukan sesuatu undang-undang itu kemas, terperinci dan sempurna (ataupun sebaliknya). Yang menjadi soal utama ialah apakah sesuatu undang-undang ini dirangka secara *bona fide* dan dilaksanakan atau dikuatkuasakan dengan jujur, demi memelihara kestabilan negara dan kesejahteraan penduduk negara ini, ataupun ia punyai suatu matlamat yang sempit dan hanya menguntungkan pihak-pihak tertentu.

Kalau kita dengar pendapat sesetengah pihak, memang tidak ada suatu pun yang baik dalam era Dr. Mahathir. Semuanya buruk belaka. Misalnya, di laman web *Malaysiakini*, saya bersua dengan pendapat pengasas syarikat berkenaan. Anda bacalah sendiri jika anda tidak percaya apa yang saya akan sebutkan selepas ini. Kata pengasas syarikat ini, Steven Gan, Malaysia mengamalkan demokrasi, kita ada kebebasan bersuara, tetapi tidak ada kebebasan selepas bersuara. Ada kebebasan untuk bergerak, tetapi tidak ada kebebasan untuk berhim-

pun. Kita ada banyak penerbitan, lebih sedozen akhbar dalam empat bahasa, tetapi kita tak ada akhbar yang bebas. Terdapat banyak undang-undang negara yang menyekat kebebasan akhbar, bukan 10, bahkan 35. Itu pendapatnya, sekali gus falsafah syarikat yang diterajui olehnya. Anda nilai sendiri.

Seorang pengkritik lain, Profesor Johan Saravanamuttu, berpendapat bahawa amalan kerajaan Malaysia berhubung hak asasi manusia sejak merdeka menjadi lebih teruk, bukan menjadi lebih baik (*regression rather than progression*). Yang peliknya, orang ini juga mengakui bahawa di negara kita sekarang wujud lebih 50 badan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat cergas, tanpa dihalang oleh kerajaan. Buktinya, pada 1993, kesemua NGO ini (yang terdiri daripada pertubuhan hak asasi manusia, kesatuan sekerja, persatuan pengguna, kumpulan wanita, pertubuhan alam sekitar, badan-badan akademik, dan sebagainya) telah sama-sama mendraf dan menyerahkan kepada kerajaan suatu dokumen yang dipanggil Piagam Hak Asasi Manusia (*Human Rights Charter*). Andainya kera-